

ANALISIS KEPERLUAN MEMPELAJARI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR ALIRAN INGGERIS DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Hajah Rafizah binti Haji Abdullah

Calon Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Email: rafizah.abdullah@unissa.edu.bn

Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad

Profesor Madya, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Email: sara.ahmad@unissa.edu.bn

Dr Achmad Yani

Penolong Profesor, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

achmad.yani@unissa.edu.bn

Abstrak

Semenjak Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)* merasmikan bahasa Arab sebagai salah satu Bahasa antarabangsa pada 18 Disember 1973, penggunaan bahasa Arab kian meluas dan dianggap tidak asing lagi di mana-mana tempat. Kursus Bahasa Arab ditawarkan di institusi-institusi pengajian di seluruh dunia mengikut keperluan dan tujuan khas. Begitu juga dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang telah menawarkan kursus bahasa Arab sebagai kursus wajib bagi setiap mahasiswa-mahasiswi di UNISSA termasuklah juga bagi pelajar aliran bahasa Inggeris. Unissa sangat menitikberatkan kepentingan mempelajari bahasa Arab apatah lagi mempelajari bahasa Arab itu merupakan sebahagian daripada agama Islam. Namun begitu, apakah sebenarnya keperluan mempelajari Bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris di UNISSA? Inilah tujuan kajian ini dilaksanakan iaitu bagi mengenalpasti keperluan mereka mempelajari Bahasa Arab. Kajian ini telah dijalankan ke atas 232 pelajar aliran bahasa Inggeris di Universiti Islam Sultan Sharif Ali bagi Kursus bahasa Arab I. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil dapatan kajian diharapkan akan dapat digunakan untuk menambahbaik kandungan kursus bahasa Arab atau dijadikan panduan bagi merangka satu modul bahasa Arab yang baru dan lebih sesuai untuk pembelajaran kursus bahasa Arab bagi pelajar aliran Inggeris di Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Kata Kunci: Analisis Keperluan Bahasa Arab; Pelajar Aliran Bahasa Inggeris; Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

**ANALISIS KEPERLUAN MEMPELAJARI BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR ALIRAN INGGERIS DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

Hajah Rafizah binti Haji Abdullah

Calon Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Email: rafizah.abdullah@unissa.edu.bn

Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad

Profesor Madya, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Email: sara.ahmad@unissa.edu.bn

Dr Achmad Yani

Penolong Profesor, Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

achmad.yani@unissa.edu.bn

1. PENGENALAN

Urusan kehidupan seharian kita amat berkait rapat dengan bahasa Arab memandangkan kitab al-Qurán yang diturunkan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada umat manusia diturunkan di dalam bahasa Arab. Disebabkan itu, adalah kewajipan bagi seseorang yang beragama Islam untuk mempelajari bahasa ini kerana ia merupakan sebahagian daripada agama Islam. Selain daripada bahasa agama Islam, bahasa Arab juga merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang terkenal dan digunakan di seluruh penjuru dunia. Oleh yang demikian, tidak hairanlah bila bahasa Arab itu dijadikan sebagai salah satu daripada bahasa *Lingua France* atau bahasa utama dunia untuk tujuan perhubungan antarabangsa.

Kerana penggunaan bahasa Arab yang kian meluas dan kepentingannya yang banyak, orang ramai tidak kira samada yang beragama Islam atau tidak mempelajari bahasa ini untuk keperluan dan tujuan-tujuan tertentu. Kursus-kursus dan modul-modul bahasa Arab banyak ditawarkan daripada institusi-institusi pengajian bukan sahaja di Timur Tengah, malahan juga daripada benua Eropah, Asia dan sebagainya.

Kajian ini merupakan kajian yang dijalankan kepada pelajar aliran bahasa Inggeris yang menuntut di UNISSA. Sebagai kursus wajib universiti, pelajar wajib mengambil kursus bahasa Arab dan diwajibkan lulus. Memandangkan tiada kajian yang pernah dibuat mengenai apakah sebenarnya keperluan pelajar aliran Inggeris ini mempelajari bahasa Arab, kajian berkaitan dengan keperluan bahasa Arab dalam kalangan mereka dilakukan bagi melihat ruang-ruang kosong yang boleh dikaji bagi memperluaskan kajian-kajian berkaitan bahasa Arab bagi pelajar aliran Inggeris. Di samping itu, hasil dapatan kajian ini

boleh dijadikan untuk menambahbaik kandungan kursus bahasa Arab yang sedia ada atau sebagai asas bagi merangka satu modul bahasa Arab yang baru dan lebih sesuai untuk pembelajaran kursus bahasa Arab di UNISSA mengikut keperluan mereka.

2. TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan pencarian yang dilakukan, belum ada kajian yang membabitkan keperluan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris di UNISSA. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang berkaitan untuk dijadikan panduan dalam menjalankan kajian sebenar.

Antara kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan oleh Mohammad Imran Ahmad et. al (2017) mengenai model analisis keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam yang mana kajian ini akhirnya mencadangkan modul bahasa Arab pelancongan Islam. Begitu juga dengan kajian keperluan yang telah dilakukan oleh Mohd Shahrizal Nasir et. al (2015) yang bertujuan untuk meninjau persepsi masyarakat awam di Malaysia berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Kajian ini dijalankan melalui kajian soal selidik yang dimuat naik dalam laman sosial *Facebook* yang melibatkan 616 responden di seluruh Malaysia yang terdiri daripada masyarakat Muslim awam dari pelbagai latar belakang. Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat awam iaitu masyarakat Muslim khususnya mengiktiraf kepentingan pembelajaran bahasa Arab bagi memahami bacaan-bacaan asas dalam ibadah. Dengan pelbagai cadangan yang telah dikemukakan oleh para responden seperti mengaitkan elemen-elemen ibadah dalam pembelajaran bahasa Arab seperti ayat-ayat suci al-Qurán dan hadith serta bacaan zikir yang *ma'thur*, satu rangka modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah akan dicadangkan bagi meningkatkan mutu pembelajaran bahasa Arab seterusnya membantu mereka mempelajari bahasa ini. Selain itu, kajian juga telah diadakan oleh Ahmad Farid Fadhli et. al (2018) yang bertujuan untuk menganalisa keperluan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kewangan Islam di Universiti Sultan Azlan Shah yang melibatkan seramai 60 orang responden. Dapatan hasil dijadikan sebagai garis panduan bagi merangka satu modul bahasa Arab yang sesuai untuk muamalat di universiti di Malaysia. Kajian ini dilihat selari dengan pendapat Iwai et. al (1999) yang mengatakan bahawa aktiviti yang dijalankan dalam analisis keperluan adalah bagi mendapatkan data atau maklumat untuk dijadikan sumber rujukan atau panduan dalam membina suatu kurikulum yang menepati dan memenuhi kehendak pelajar. Keperluan tersebut disusun mengikut keutamaannya agar kurikulum yang dihasilkan nanti akan menjadi lebih efektif. Ini bertepatan dengan pendapat Tu'aimah (1989) yang mengatakan bahawa bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif, pengajaran bagi tujuan khas untuk golongan yang tertentu itu hendaklah ada mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang tertentu.

Di samping itu juga, terdapat beberapa kajian keperluan lain antaranya oleh Mohammad Najib Jaffar et. al (2017) yang telah menjalankan kajian terhadap 150 orang pelajar tahun dua dan tiga program Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi bagi mempelajari Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA). Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA dengan merujuk terus kepada al-Qurán dan Hadith agar dapat memahami agama Islam dengan lebih tepat tanpa bergantung pada sumber-sumber terjemahan semata-mata.

Kajian keperluan juga telah dilakukan oleh Khairun Nisaa Mohd et. al (2017) dalam kajian yang bertajuk ‘Kajian kes keperluan bahasa Arab dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah Malaysia dari sudut pandang mutawwif-mutawwif Syarikat Andalusia’. Dalam kajian tersebut ada menyebutkan bahawa kemunculan buku-buku pengajian bahasa Arab yang memberi fokus kepada tujuan ibadah membukikan akan perkembangan bahasa Arab untuk tujuan ibadah di Malaysia. Antara buku atau model pembelajaran bahasa Arab tersebut ialah buku yang ditulis oleh Muhammad Sabri Shahrir yang bertajuk Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji & Umrah (2009), Pengajaran Bahasa Arab melalui al-Qurán (2010) oleh Sohair Abdel Moneim Sery dan banyak lagi. Maksud tujuan ibadah dalam kajian ini adalah merangkumi aspek ayat al-Qurán, Hadith, zikir, doa, bacaan dalam solat, termasuklah juga bacaan ketika ibadah haji dan umrah. Tujuan memahami bahasa Arab ini tidak lain ialah keinginan untuk melakukan ibadah itu dengan lebih khusyuk dan sempurna.

Kepentingan analisis keperluan bahasa itu sangat perlu dalam merealisasikan penghasilan suatu silibus atau program bahasa yang menyeluruh. Oleh yang demikian, tidak hairanlah bilamana proses analisis keperluan ini ditekankan oleh ramai sarjana bahasa dalam pembentukan suatu silibus atau program bahasa. Taba (1962) antaranya telah menjelaskan bahawa pelaksanaan analisis keperluan itu merupakan langkah paling awal dalam perancangan dan pembinaan silibus atau kurikulum. Begitu juga dengan Brindley (1989), beliau melihat pelaksanaan analisis keperluan itu perlu dijadikan prasyarat penting dalam menentukan pembentukan objektif atau kandungan suatu program bahasa yang berkesan. Bahkan Brown (1995) juga bersependapat bahawa dalam membangunkan sesuatu kurikulum atau program bahasa yang lengkap, langkah permulaan yang penting ialah analisis keperluan.

Richards (1984) telah menggariskan beberapa peringkat yang perlu dilaksanakan untuk menghasilkan satu program bahasa yang mantap dan berkesan. Peringkat tersebut hendaklah bermula dengan menentukan keperluan-keperluan pelajar, kemudian pembentukan objektif bagi memenuhi keperluan tersebut, diikuti dengan bahan, pemilihan aktiviti, pendekatan serta program pembelajaran yang sesuai dan diakhiri dengan penilaian hasil.

Dari tinjauan literatur di atas, kajian ini dilihat selaras dan berhubungkait dengan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini iaitu untuk mengenalpasti keperluan para responden yang antaranya bertujuan untuk mendapatkan maklumat bagi merangka satu kurikulum yang menepati dan memenuhi keperluan pelajar agar kurikulum yang dihasilkan nanti akan menjadi lebih efektif terhadap keperluan responden.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan metode kuantitatif iaitu melalui kaedah soal selidik bagi mengetahui keperluan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris di UNISSA. Jumlah responden yang menjawab kaji selidik ini ialah seramai 232 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar daripada sebuah pusat dan 5 buah fakulti di UNISSA iaitu; Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam, Fakulti Teknologi Islam dan Fakulti Pertanian Islam.

Borang kaji selidik tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian.

Bahagian Pertama: Bahagian ini mengandungi latar belakang responden seperti maklumat jantina dan fakulti/pusat pelajar.

Bahagian Kedua: Bahagian ini melihat kepada pengalaman belajar bahasa Arab.

Bahagian Ketiga: Bahagian ini mengandungi 25 keperluan mempelajari bahasa Arab yang merangkumi kepada (6) enam tujuan iaitu tujuan agama, tujuan kebudayaan, tujuan kemasyarakatan, tujuan komunikasi, tujuan akademik/pendidikan dan tujuan pelancongan.

Untuk bahagian ini, skala Likert 5 tahap digunakan bagi mengenalpasti keperluan bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris di UNISSA. Lima skala Likert yang digunakan ialah 5 = (SP) sangat penting, 4 = (P) penting, 3 = (KP) kurang penting, 2 = (TP) tidak penting dan 1 = (STP) sangat tidak penting. Bahagian ini seterusnya merupakan analisis data yang diperolehi daripada responden serta dapatan kajian dan kesimpulan daripada analisis tersebut.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang diperolehi dari borang kaji selidik dikumpulkan untuk dianalisis. Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil analisis dan seterusnya memaparkan penemuan kajian daripada borang kaji selidik yang telah diedarkan kepada responden.

Berikut adalah analisis data yang diperolehi daripada borang kaji selidik:

4.1 Bahagian Pertama: Latar belakang responden

Seramai 232 orang pelajar aliran Inggeris di UNISSA telah terlibat menjadi responden dalam kajian keperluan bahasa Arab ini. Huraian analisis responden yang mengandungi latar belakang responden seperti maklumat jantina dan fakulti/pusat pelajar sepertimana yang dilampirkan dalam jadual di bawah:

No.	PERKARA		Kekerapan	%
1	Jantina	Lelaki	71	30.6
		Perempuan	161	69.4
2	Fakulti	Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam	56	24.1
		Fakulti Syariah dan Undang-Undang	61	26.3
		Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban	72	31
		Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam	15	6.5
		Fakulti Teknologi Islam	15	6.5
		Fakulti Pertanian Islam	13	5.6

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Merujuk kepada jadual 1, seramai 232 responden yang terdiri daripada pelajar aliran Inggeris daripada sebuah pusat dan 5 buah fakulti di UNISSA telah menjawab borang kaji selidik ini. Daripada jumlah keseluruhan responden, 71 responden (30.6%) adalah lelaki dan 161 responden (69.4%) adalah perempuan yang terdiri dari 56 pelajar Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (24.1%), 61 pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (26.3%), 72 pelajar Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (31.0%), 15 pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam (6.5%), 15 pelajar Fakulti Teknologi Islam (6.5%), 13 pelajar Fakulti Pertanian Islam (5.6%).

Dari dapatan ini dapat disimpulkan bahawa bilangan tertinggi responden ialah perempuan, manakala responden yang tertinggi terdiri daripada pelajar Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban. Ini tidaklah menghairankan kerana jumlah pelajar perempuan aliran Inggeris memang lebih ramai dari pelajar lelaki, begitu juga dengan pelajar dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, bilangan mereka adalah lebih ramai berbanding fakulti yang lain.

4.2 Bahagian Kedua: Pengetahuan Bahasa Arab Responden

No.	PERKARA		Kekerapan	%
1	Pernahkah anda mempelajari bahasa Arab?	Ya	172	74.1
		Tidak	60	25.9
	Jika anda pernah mempelajari Bahasa Arab, sila nyatakan pengalaman belajar tersebut	Bersekolah di Sekolah Arab di peringkat rendah	7	3.0
		Bersekolah di Sekolah Arab di peringkat menengah bawah (Sanah 7 & 8)	7	3.0
		Bersekolah di Sekolah Arab di peringkat	4	1.7

2	menengah atas (Sanah 9, 10 & 11)		
	Bersekolah di di Sekolah Arab di peringkat pra-Universiti	65	28.0
	Mengikuti bengkel kemahiran mempelajari Bahasa Arab	4	1.7
	Belajar bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah	81	34.9
	Lain-lain	4	1.7

Jadual 2: Pengetahuan Bahasa Arab

Kajian pada bahagian kedua berdasarkan kepada dapatan soal selidik dalam jadual no 2 di atas menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan responden seramai 232 orang, hampir mencecah $\frac{3}{4}$ responden iaitu sebanyak 172 orang (74.1%) pernah mempelajari bahasa Arab, manakala bakinya sebanyak 60 orang (25.9%) tidak pernah langsung mempelajari bahasa ini.

Seramai 81 responden (34.9%) yang pernah mempelajari bahasa Arab adalah ketika mempelajarinya sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah tidak kira samada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Respon ini adalah respon yang paling banyak berbanding yang lain. Diikuti selepas itu mempelajari bahasa ini ketika bersekolah di sekolah Arab sehingga peringkat pra-Universiti iaitu sebanyak 65 responden (28%), mempelajarinya ketika bersekolah di sekolah Arab di peringkat rendah dan peringkat menengah bawah (Sanah 7 & 8) masing-masing sebanyak 7 responden (3%), manakala bakinya di peringkat menengah atas (Sanah 9,10,11), mengikuti bengkel kemahiran bahasa Arab dan lain-lain iaitu masing-masing 4 responden (1.7%).

4.3 Bahagian Ketiga: Keperluan Mempelajari Bahasa Arab

Bagi meneliti dengan lebih jelas mengenai keperluan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris, pengkaji memaparkan keperluan tersebut dalam bentuk jadual dan huraian. Keperluan-keperluan ini diperolehi hasil daripada perbincangan dan temubual terhadap sebilangan besar pelajar tahun I dan II aliran Inggeris di UNISSA mengenai keperluan mereka mempelajari bahasa Arab. Setelah diteliti, pengkaji telah memilih 25 keperluan yang sering dipilih oleh para pelajar aliran inggeris, lalu memecahkannya mengikut enam (6) tujuan tertentu iaitu tujuan agama, kebudayaan, kemasyarakatan, komunikasi, akademik/pendidikan dan tujuan ekonomi.

Item 1-5 merupakan keperluan bagi tujuan agama, item 6-9 bagi tujuan kebudayaan, item 10-13 bagi tujuan kemasyarakatan, item 14-16 adalah bagi tujuan komunikasi, item 17-22 bagi tujuan akademik/pendidikan, manakala item 23-25 pula bagi tujuan ekonomi/pelancongan.

Lima skala Likert telah digunakan untuk mengenalpasti keperluan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajaran aliran Inggeris dalam bahagian ini iaitu 5 = (SP) sangat penting, 4 = (P) penting, 3 = (KP) kurang penting, 2 = (TP) tidak penting dan 1 = (STP) sangat tidak penting.

Berikut adalah analisis data yang diperoleh dari borang kaji selidik ini:

Item	Keperluan	Sangat Penting	Penting	Kurang Penting	Tidak Penting	Sangat Tidak Penting	Markah Keseluruhan 1160	Peratus Keseluruhan 100%
1	Memudahkan dalam membaca al-Qur'an dan hadith	140 60.3%	64 27.6%	22 9.5%	6 2.6%	0 0%	1034	89.13%
2	Memahami kandungan dan makna asas ayat-ayat al-Qur'an dan hadith	130 56%	62 26.7%	34 14.7%	5 2.2%	1 0.4%	1011	87.16%
3	Memahami doa-doa dan zikir-zikir harian seperti bacaan sembahyang dan sebagainya.	139 59.9%	60 25.9%	30 12.9%	3 1.3%	0 0%	1031	88.87%
4	Memudahkan memahami ajaran Islam	130 56.0%	70 30.2%	30 12.9%	2 0.9%	0 0%	1024	88.28%
5	Persediaan untuk mengerjakan haji dan umrah	103 44.4%	79 34.1%	45 19.4%	5 2.2%	0 0%	976	84.14%
6	Mengetahui tamadun Arab	34 14.7%	45 19.4%	99 42.7%	43 18.5%	11 4.7%	744	64.14%
7	Mengetahui kebudayaan Arab	61 26.3%	46 19.8%	100 43.1%	22 9.5%	3 1.3%	836	72.01%
8	Mendengar lagu-lagu Arab	38 16.4%	41 17.7%	82 35.3%	49 21.1%	22 9.5%	720	62.07%
9	Menonton filem Arab	36 15.5%	34 14.7%	72 31%	52 22.4%	38 16.4%	674	58.10%
10	Memahami pertuturan penutur bahasa Arab	80 34.5%	80 34.5%	53 22.8%	15 6.5%	4 1.7%	913	78.71%
11	Mencari rakan/kenalan baru	38 16.4%	66 28.4%	84 36.2%	31 13.4%	13 5.6%	781	67.33%
12	Mengetahui tradisi Arab	69 29.7%	73 31.5%	77 33.2%	12 5.4%	1 0.4%	893	76.98%
13	Ikut serta dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di dalam Bahasa Arab	41 17.7%	44 19.0%	79 34.1%	39 16.8%	29 12.5%	725	62.5%
14	Berbual dan berkomunikasi dengan orang Arab	59 25.4%	68 29.3	62 26.8	29 12.5%	14 6.0%	825	71.12%
15	Mempraktik perbualan harian	47 26.3%	59 25.4%	82 35.3%	33 14.2%	11 4.7%	794	68.45%
16	Komunikasi secara bertulis melalui rangkaian sosial (Facebook - WhatsApp - Twitter dan sebagainya).	37 15.9%	61 26.3%	83 35.8%	36 15.5%	15 6.5%	765	65.95%
17	Mempelbagai / menambah bahasa asing	111 47.8%	78 33.6%	34 14.7%	5 2.2%	4 1.7%	983	84.74%
18	Menguasai empat (4) kemahiran bahasa Arab	56 24.1%	62 26.7%	96 41.4%	12 5.2%	6 2.6%	846	72.93%
19	Memahami istilah-istilah bahasa Arab	69 29.7%	71 30.6%	76 32.8%	13 5.6%	3 1.3%	886	76.38%
20	Menjawab latihan dan kerja rumah yang diberikan	126	72	32	1	1	1017	87.67%

		54.3%	31.0%	13.8%	0.4%	0.4%		
21	Membaca buku, majalah, suratkhbar dan sebagainya	47 20.3%	69 29.7%	87 37.5%	19 8.2%	10 4.3%	820	70.69%
22	Mendengar ceramah dan perbincangan	48 20.7%	73 31.5%	80 34.5%	25 10.8%	6 2.6%	828	71.38%
23	Melakukan perniagaan	29 12.5%	39 16.8%	100 43.1%	41 17.7%	23 9.9%	706	60.86%
24	Mendapatkan pekerjaan dalam/ luar negara	67 28.9%	64 27.6%	72 31.0%	19 8.2%	10 4.3%	855	73.45%
25	Melancong	80 34.5%	70 30.2%	59 25.4%	14 6.0%	9 3.9%	894	77.07%

Jadual 3: Keperluan Mempelajari Bahasa Arab

Item 1 dari jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 140 responden (60.3%) mengatakan sangat penting mempelajari bahasa Arab untuk keperluan memudahkan mereka membaca al-Qur'an dan hadith, 64 responden (27.6%) mengatakan penting, 22 responden (9.5%) kurang penting, 6 responden (2.6%) tidak penting dan tiada yang memilih sangat tidak penting untuk keperluan ini. Membaca al-Qur'an merupakan salah satu kewajipan bagi umat Islam. Selain daripada mendapat ganjaran pahala bagi yang membaca dan mengamalkannya, membaca al-Qur'an merupakan penenang dan penyejuk hati, ia bertindak sebagai salah satu terapi melembutkan jiwa dan memperkuat iman. Al-Qur'an juga boleh memberikan syafa'at pada para pembacanya pada hari kiamat kelak,. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika keperluan ini berada pada urutan teratas bagi keperluan responden dalam mempelajari bahasa Arab.

Item (2) menunjukkan bahawa responden yang memilih sangat penting bagi mempelajari bahasa Arab untuk keperluan memahami kandungan dan makna asas ayat-ayat al-Qur'an dan hadith adalah seramai 130 responden (56%), 62 responden (26.7%) memilih penting, 34 responden (14.7%) kurang penting, 5 responden (2.2%) tidak penting dan seorang responden (0.4%) memilih sangat tidak penting. Analisis data yang diperolehi ini jelas menunjukkan akan betapa pentingnya keperluan ini terhadap responden kerana jika digabungkan bilangan responden yang memilih sangat penting dan penting adalah melebihi daripada $\frac{3}{4}$ orang responden iaitu seramai 192 responden (82.7%) daripada jumlah keseluruhan iaitu seramai 232 responden.

Bagi item (3) pula, dapatan kajian mendapati para responden mengiktiraf kepentingan mempelajari bahasa Arab bagi keperluan memahami doa-doa dan zikir-zikir harian seperti bacaan sembahyang dan sebagainya bilamana seramai 139 responden (59.9%) memilih sangat penting, 60 responden (25.9%) memilih penting, 30 responden (12.9%) kurang penting, 3 responden (1.3%) tidak penting dan tiada yang memilih sangat tidak penting untuk keperluan ini. Jika diperhatikan dari dapatan kajian, responden yang memilih respon sangat setuju dan setuju adalah sangat tinggi iaitu 199 responden (85.8%) dan melebihi $\frac{3}{4}$

daripada jumlah keseluruhan responden. Keperluan ini berada pada urutan kedua teratas penting setelah keperluan mempelajari bahasa Arab itu bagi memudahkan membaca al-Qur'an dan hadith.

Seperti halnya respon para responden pada item 3, peratus responden yang memilih sangat penting dan penting bagi item (4) adalah tinggi iaitu 200 responden (86.2%), iaitu 130 responden (56%) memilih sangat penting dan 70 responden (30.2%) memilih penting, berbanding daripada yang memilih kurang penting, tidak penting dan sangat tidak penting iaitu seramai 32 responden (13.8%) sahaja iaitu 30 responden (12.9%) kurang penting, 2 responden (0.9%) tidak penting dan tiada yang memilih sangat tidak penting. Responden memerlukan bahasa Arab itu untuk memudahkan mereka memahami ajaran Islam. Keperluan ini berada pada urutan ketiga teratas penting setelah item 3.

Item (5) iaitu persediaan untuk mengerjakan haji dan umrah juga mendapat respon sangat penting dan penting yang tinggi daripada para responden iaitu seramai 182 responden (78.5%) iaitu 103 responden (44.4%) memilih sangat penting dan 79 responden (34.1%) memilih penting, manakala gabungan responden yang memilih kurang penting, tidak penting dan sangat tidak penting hanyalah seramai 50 responden (21.6%) sahaja iaitu 45 responden (19.3%) memilih kurang penting, 5 responden (2.2%) tidak penting dan tiada yang memilih sangat tidak penting.

Dari dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa lebih daripada $\frac{3}{4}$ responden daripada bilangan keseluruhan yang berjumlah 232 responden memilih sangat penting dan penting bagi respon item 1-5 yang dikategorikan di bawah tujuan agama. Ini tidak syak lagi membuktikan betapa pentingnya bahasa Arab itu bagi seseorang muslim amnya dan para responden khasnya kerana ia merupakan sebahagian daripada agama Islam. Mempelajari bahasa Arab membantu individu untuk lebih khusyu ketika melakukan amal ibadah di samping mempelajarinya juga adalah salah satu daripada tuntutan syarak.

Bagi item (6) iaitu keperluan untuk mengetahui tradisi Arab, 34 responden (14.7%) telah memilih respon sangat penting, 45 responden (19.4%) memilih respon penting, 99 responden (42.7%) memilih respon kurang penting, 43 responden (18.5%) memilih respon tidak penting, manakala 11 responden (4.7%) telah memilih respon sangat tidak penting.

Respon bagi item (7) pula iaitu mengenai keperluan mengetahui kebudayaan Arab, respon sangat penting telah mencapai 26.3% (61 responden), respon penting 19.6% (46 responden), respon kurang penting 43.1% (100 responden), respon tidak penting 9.5% (22 responden), dan respon sangat tidak penting telah mencapai 1.3% (3 responden). Responden yang memilih kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak

setuju bagi keperluan ini adalah lebih tinggi iaitu seramai 125 responden (53.9%) berbanding responden yang memilih sangat penting dan penting seramai 107 responden (46.1%) sahaja.

Keperluan item (8) iaitu untuk mendengar lagu-lagu Arab telah mendapat respon 16.4% (38 responden) bagi sangat penting, 17.7% (41 responden) bagi respon penting, 35.3% (82 responden) bagi respon kurang penting, 21.1% (49 responden) bagi respon tidak penting dan 9.5% (22 responden) bagi respon sangat tidak penting. Keperluan ini berada pada urutan ketiga terbawah dalam senarai keperluan responden.

Dapatan kajian mendapati bahawa keperluan bagi item (9) iaitu keperluan mempelajari bahasa Arab bagi menonton filem Arab adalah keperluan yang paling tidak penting bagi para responden. Ini terbukti bilamana melebihi $\frac{1}{2}$ responden telah memilih respon kurang penting, tidak penting dan sangat tidak penting dan keperluan ini berada pada urutan terbawah bagi keperluan responden. Hanya 36 responden (15.5%) telah memilih respon sangat penting dan 34 responden (14.7%) telah memilih respon penting, selebihnya pula para responden telah memilih respon kurang penting seramai 72 responden (31%), tidak penting seramai 52 responden (22.4%) dan sangat tidak penting seramai 38 responden (16.4%).

Item 6 hingga 9 adalah keperluan-keperluan di bawah tujuan kebudayaan. Jika diperhatikan daripada dapatan kajian, respon sangat penting dan penting pada item (6) sahaja yang mencapai lebih 50% daripada responden. Dari sini dapat dilihat bahawa para responden mempelajari bahasa Arab bagi tujuan kebudayaan itu hanya pada keperluan tertentu sahaja.

Dapatan kajian bagi item (10) mendapati bahawa responden yang memilih sangat penting bagi mempelajari bahasa Arab untuk memahami pertuturan penutur bahasa Arab adalah seramai 80 responden (34.5%), 80 responden (34.5%) memilih penting, 53 responden (22.8%) kurang penting, 15 responden (6.5%) tidak penting dan 4 responden (1.7%) memilih sangat tidak penting. Lebih daripada $\frac{1}{2}$ responden iaitu 160 responden (69%) telah memilih sangat penting dan penting akan keperluan bahasa Arab bagi memahami pertuturan penutur bahasa Arab, dan 72 responden (31%) telah memilih respon tidak penting, tidak penting dan sangat tidak penting.

Diikuti dengan item (11) mengenai keperluan mencari rakan kenalan baru, seramai 38 responden (16.4%) telah memilih respon sangat penting, 66 responden (28.4%) telah memilih respon penting, 84 responden (36.2%) kurang penting, 31 responden (13.4%) tidak penting dan 13 responden (5.6%) memilih sangat tidak penting.

Jika dilihat pada item (12), dapatan kajian menunjukkan bahawa 69 responden (29.7%) telah memilih sangat penting, 73 responden (31.5%) memilih penting, 77 responden (33.2%) memilih kurang penting, 12 responden (5.4%) memilih tidak penting dan seorang responden (0,4%) memilih sangat tidak penting bagi mempelajari bahasa Arab untuk keperluan mengetahui tamadun Arab.

Bagi item (13) di dalam jadual 3 telah menunjukkan bahawa 41 responden (17.7%) mengatakan sangat penting mempelajari bahasa Arab bagi keperluan ikut serta dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di dalam bahasa Arab, 44 responden (19%) mengatakan penting, 79 responden (34.1%) mengatakan kurang penting, 39 responden (16,8%) mengatakan tidak penting dan seramai 29 responden (12.5%) mengatakan sangat tidak penting. Item 10-13 merupakan keperluan-keperluan untuk tujuan kemasyarakatan. Untuk tujuan ini, dengan berdasarkan kepada dapatan kajian, hanya keperluan item (10) sahaja yang melebihi ½ respon penting dan sangat penting daripada keseluruhan responden.

Item 14-16 merupakan keperluan untuk tujuan komunikasi. Seramai 127 responden (54.7%) mengiktiraf kepentingan item (14) iaitu berbual dan berkomunikasi dengan orang Arab, bilamana 59 responden (25.4%) telah memilih respon sangat penting untuk keperluan ini dan 68 responden (29.3%) telah memilih respon penting. Manakala selebihnya yang berjumlah 105 responden telah memilih respon kurang penting iaitu pilihan seramai 62 responden (26.8%), respon tidak penting seramai 29 responden (12.5%) dan respon sangat tidak penting bagi 14 responden (6.0%).

Diikuti seterusnya dengan item (15) iaitu keperluan untuk mempraktik perbualan harian telah dipilih oleh 47 responden (26.3%) bagi respon sangat penting, 59 responden (25.4%) bagi respon penting, 82 responden (35.3%) bagi respon kurang penting, 33 responden (14.2%) bagi respon tidak setuju, 11 responden (4.7%) bagi respon sangat tidak penting.

Bagi item (16) iaitu mempelajari bahasa Arab bagi keperluan komunikasi secara bertulis melalui rangkaian social (*Facebook – Whatsapp – Twitter* dan sebagainya), seramai 37 responden (15.9%) telah memilih respon sangat penting, 61 responden (26.3%) memilih penting, 83 responden (35.8%) memilih respon kurang penting, 36 responden memilih (15.5%) respon tidak penting dan 15 responden memilih (6.5%) respon sangat tidak . Jika diperhati dari dapatan kajian, hanya keperluan 14 sahaja yang diiktiraf penting untuk tujuan komunikasi bagi para responden memandangkan hanya item ini sahaja yang melebihi ½ daripada respon sangat penting dan penting.

Dapatan kajian bagi item (17) mendapati bahawa melebihi 3/4 responden iaitu seramai 189 responden (81.4%) memerlukan bahasa Arab kerana ingin mempelbagai dan menambah bahasa asing. Seramai 111 responden (47.8%) telah memilih respon sangat penting, dan 78 responden (33.6%) telah memilih respon penting untuk keperluan ini. Manakala selebihnya pula iaitu 43 responden (18.6%) telah memilih samada respon kurang penting (34 responden, 14.7%), tidak penting (5 responden, 2.2%) atau sangat tidak penting (4 responden, 1.7%). Tidak dapat dinafikan, kemampuan berbahasa asing sangat diperlukan di era revolusi ini. Dalam kehidupan sekarang, penguasaan bahasa asing adalah kemahiran penting yang memberi peluang untuk berinteraksi dengan dunia dengan cara yang lebih cepat dan mudah. Dengan mengetahui dan mempelajari bahasa asing, lebih banyak ilmu pengetahuan akan diperoleh, selain meningkatkan pertumbuhan otak dan daya ingatan, dan juga menambah keyakinan diri seseorang dan sebagainya.

Seterusnya item (18) mengenai keperluan mempelajari bahasa Arab untuk menguasai empat (4) kemahiran bahasa Arab. Item (18) menunjukkan bahawa responden yang memilih sangat penting adalah seramai 56 responden (24.1%), 62 responden (26.7%) memilih penting, 96 responden (41.4%) kurang penting, 12 responden (5.2%) tidak penting dan 6 responden (2.6%) memilih sangat tidak penting. Sebahagian daripada responden menganggap kurang pentingnya keperluan ini kerana terdapat sebahagian daripada mereka yang hanya menumpukan kepada kemahiran-kemahiran tertentu sahaja seperti menganggap kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling kurang kepentingannya dalam mempelajari sesuatu bahasa berbanding kemahiran lain.

Diikuti seterusnya dengan item (19) iaitu keperluan untuk mempelajari bahasa Arab bagi memahami istilah-istilah bahasa Arab telah dipilih oleh 69 responden (29.7%) bagi respon sangat penting, 71 responden (30.6%) bagi respon penting, 76 responden (32.8%) bagi respon kurang penting, 13 responden (5.6%) bagi respon tidak setuju, 3 responden (1.3%) bagi respon sangat tidak penting. Dapatan kajian mendapati bahawa lebih daripada 1/2 responden (140 responden, 60.3%) telah memilih respon sangat penting dan penting bagi item (19) ini disebabkan masyarakat kita tidak terlepas dari menggunakan istilah-istilah Arab dalam kehidupan seharian seperti assalamualaikum, wa'alaikumussalam, syukran, baarakallahu fiek, jazaakumullahu khairan dan lain-lain lagi. Istilah-istilah ini sering dipakai dalam kehidupan kita sehari-hari.

Begitu juga halnya bagi item (20), gabungan peratus bagi responden yang memilih sangat penting dan penting adalah tinggi iaitu melebihi daripada 3/4 orang responden iaitu seramai 198 orang responden (85.3%). Seramai 126 responden (54.3%) telah memilih respon sangat penting dan 72 responden (31%)

memilih respon penting. Hanya 34 responden (14.6%) sahaja yang memilih respon kurang penting (32 responden, 13.8%), dan seorang responden bagi setiap respon tidak penting dan sangat tidak penting. Kehidupan seorang pelajar memang tidak lari dari membuat tugas seperti latihan dan kerja rumah, apatah lagi responden terdiri dalam kalangan pelajar, ini antara punca yang mendorong para responden untuk memilih respon sangat penting dan penting untuk item (20) ini.

Dapatan kajian bagi item (21) mendapati bahawa $\frac{1}{2}$ responden (50%) mengiktirafkan kepentingan mempelajari bahasa Arab itu untuk membaca buku, majalah, suratkhbar dan sebagainya, dan begitu juga sebaliknya. Seramai 47 responden (20.3%) telah memilih respon sangat penting dan 69 responden (29.7%) memilih respon penting. Respon kurang penting pula telah dipilih oleh 87 responden (37.5%), respon tidak penting telah dipilih oleh 19 responden (8.2%), manakala respon sangat tidak penting telah dipilih oleh 10 responden (4.3%).

Seterusnya adalah respon bagi item (22) mengenai keperluan mendengar ceramah dan perbincangan dari para responden. Respon sangat penting telah mencapai 20.7% (48 responden), respon penting 31.5% (73 responden), respon kurang penting 34.5% (80 responden), respon tidak penting 10.8% (25 responden), dan respon sangat tidak penting telah mencapai 2.6% (6 responden).

Dari dapatan kajian membuktikan bahawa kesemua keperluan dari item 17 hingga 22 yang bertujuan akademik/pendidikan memperoleh sekurang-kurangnya separuh daripada respon sangat penting dan penting dari keseluruhan responden. Ini menunjukkan akan pentingnya keperluan atas tujuan akademik/pendidikan bagi responden berdasarkan respon dan peratus yang tinggi bagi kesemua item.

Item 23-25 merupakan keperluan bagi tujuan ekonomi/pelancongan. Dapatan kajian bagi item (23) menunjukkan bahawa hanya 29 responden (12.5%) memilih respon sangat penting dan 39 responden (16.8%) memilih respon penting, selebihnya adalah respon yang cenderung memilih kepada kurang pentingnya mempelajari bahasa Arab bagi keperluan melakukan perniagaan ini iaitu 100 responden (43.1%) memilih kurang penting dan 41 responden (17.7%) memilih respon tidak penting, dan 23 responden (9.9%) memilih respon sangat tidak penting.

Diikuti pula dengan item (24) iaitu keperluan untuk mendapatkan pekerjaan samada dalam atau luar telah dipilih oleh seramai 131 responden (56,5%) telah memilih respon yang menunjukkan kepada pentingnya keperluan ini bagi para responden iaitu 67 responden (28.9%) memilih respon sangat penting dan 64 responden (27.6%) memilih respon penting. Jumlah peratus ini melebihi $\frac{1}{2}$ daripada keseluruhan jumlah responden. Manakala selebihnya pula adalah seramai 72 responden (31.0%) memilih respon kurang

penting, 19 responden (8.2%) memilih respon tidak penting, dan 10 responden (4.3%) memilih respon sangat tidak penting. Tidak dinafikan akan kepentingan keperluan ini bagi para responden kerana kemampuan berbahasa asing akan membuka peluang kesempatan untuk menunjukkan kapasiti diri bekerja di peringkat antarabangsa di samping menjadi keuntungan yang bernilai untuk prospek karier ke luar negeri.

Tidak kurang pentingnya keperluan item (25) iaitu atas keperluan melancong bagi para responden bilamana lebih daripada ½ responden iaitu seramai 150 responden (62.7%); 80 responden (34.5%) memilih respon sangat penting dan 70 responden (30.2%) memilih respon penting telah mengiktiraf akan pentingnya keperluan ini. Manakala selebihnya pula adalah respon yang memilih kepada respon kurang penting iaitu seramai 59 responden (25,4%) respon tidak penting seramai 14 responden (6.0%) dan 9 responden (4.3%) memilih respon sangat tidak penting. Dengan banyaknya tawaran pakej-pakej melancong ke Timur Tengah, tidak mustahil ini antara faktor yang membuatkan responden merasa perlunya mengetahui bahasa Arab itu agar tujuan percutian menjadi lebih mudah dan tidak mudah tertipu ketika berada di luar negara.

Berdasarkan kepada dapatan kajian pada jadual 3 di atas, berikut adalah urutan keperluan responden dalam mempelajari bahasa Arab mulai dari keperluan teratas hingga terendah mengikut peratus kajian yang telah dijalankan:

Item	Keperluan
1	Memudahkan dalam membaca al-Qur'an dan hadith
2	Memahami doa-doa dan zikir-zikir harian seperti bacaan sembahyang dan sebagainya.
3	Memudahkan memahami ajaran Islam
4	Menjawab latihan dan kerja rumah yang diberikan
5	Memahami kandungan dan makna asas ayat-ayat al-Qur'an dan hadith
6	Mempelbagai / menambah bahasa asing
7	Persediaan untuk mengerjakan haji dan umrah
8	Memahami pertuturan penutur bahasa Arab
9	Melancong
10	Mengetahui tradisi Arab
11	Memahami istilah-istilah bahasa Arab
12	Mendapatkan pekerjaan dalam/ luar negara
13	Menguasai empat (4) kemahiran bahasa Arab
14	Mengetahui kebudayaan Arab
15	Mendengar ceramah dan perbincangan
16	Berbual dan berkomunikasi dengan orang Arab

17	Membaca buku, majalah, suratkhobar dan sebagainya
18	Mempraktik perbualan harian
19	Mencari rakan/kenalan baru
20	Komunikasi secara bertulis melalui rangkaian sosial (Facebook - WhatsApp - Twitter dan sebagainya).
21	Mengetahui tamadun Arab
22	Ikut serta dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di dalam Bahasa Arab
23	Mendengar lagu-lagu Arab
24	Melakukan perniagaan
25	Menonton filem Arab

Jadual 4: Keperluan Mempelajari Bahasa Arab Mengikut Urutan Teratas

Jika diperhatikan dapatan kajian pada jadual 4 di atas, jelas menunjukkan bahawa keperluan pelajar aliran Inggeris dalam mempelajari bahasa Arab itu ialah atas tujuan agama kerana kesemua keperluan di dalam tujuan ini berada pada tahap 10 teratas. Namun begitu, tujuan-tujuan lain terutamanya keperluan akademik/pendidikan juga perlu dititikberatkan kerana kedua itemnya berada dalam 10 teratas. Para pelajar aliran Inggeris menganggap kurang penting mempelajari bahasa Arab bagi tujuan kebudayaan. Ini terbukti kerana tiga (3) daripada empat (4) keperluan dalam tujuan ini berada di urutan lima terbawah. Keperluan yang berada di urutan bawah sekali iaitu mempelajari bahasa Arab bagi keperluan menonton filem bahasa Arab juga termasuk di dalam tujuan kebudayaan.

5. PENUTUP:

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keperluan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran Inggeris di UNISSA. Daripada dapatan kajian telah menunjukkan bahawa keperluan-keperluan yang berada pada urutan teratas mengikut respon responden dalam mempelajari bahasa Arab ialah, memudahkan dalam membaca al-Qur'an dan hadith (89.13%); memahami doa-doa dan zikir-zikir harian seperti bacaan sembahyang dan sebagainya (88.87%); memudahkan memahami ajaran Islam (88.28%); menjawab latihan dan kerja rumah yang diberikan (87.67%), memahami kandungan dan makna asas ayat-ayat al-Qur'an dan hadith (87.16%); mempelbagai/menambah bahasa asing (84.74%); persediaan untuk mengerjakan haji dan umrah (84.14%); memahami pertuturan penutur bahasa Arab (78.71%); melancong (77.07%); mengetahui tradisi Arab (76.98%); memahami istilah-istilah bahasa Arab (76.38%); mendapatkan pekerjaan dalam/ luar negara (73.45%); menguasai empat (4) kemahiran bahasa Arab (72.93%); mengetahui kebudayaan Arab (72.01%); mendengar ceramah dan perbincangan (71.38%); berbual dan berkomunikasi dengan orang Arab (71.12%); membaca buku, majalah, suratkhobar dan sebagainya (70.69%); mempraktik perbualan harian (68.45%); mencari rakan/kenalan baru (67.33%); komunikasi secara bertulis melalui rangkaian sosial (Facebook - WhatsApp - Twitter dan sebagainya) (65.95%); mengetahui tamadun Arab (64.14%); ikut serta dalam pertandingan-pertandingan yang

dianjurkan di dalam Bahasa Arab (62.5%); mendengar lagu-lagu Arab (62.07%); melakukan perniagaan (60.86%) dan menonton filem Arab (58.10%).

Dengan mengetahui keperluan mereka terhadap bahasa al-Qurán ini, ianya dapat menambahbaik kursus bahasa Arab yang sedia ada atau menjadi sukut-sukat bagi merangka sukatan pelajaran yang baru dan bersesuaian dengan tahap keperluan mereka. Merangka kokurikulum atau modul bahasa Arab mengikut keperluan pelajar amatlah penting agar mereka lebih mudah memahami pembelajaran bahasa Arab itu dan sekaligus membantu mereka mempraktikkannya di dalam kehidupan seharian.

6. RUJUKAN:

- Ahmad Farid Fadhli bin Mustafa & Muhammad Anas bin Al Muhsin. *Analisis Keperluan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kewangan Islam di Universiti Sultan Azlan Shah*. Seminar Serantau Peradaban Islam 2018, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. 14-15 November 2018, 514-526.
- Ahmad Sunawari. (2015). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM Press.
- Azizan, K. F., Rahman, A. A., & Jamali, H. N. (2014). Tahap Kemahiran Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32
- Bakhtiar, N., & Osman, N. (2019). Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Trends In Social Sciences*. 1(2), 43-52.
- Brindley, G. 1989. The Role of Needs Analysis in Adult ESL Programme Design. Dlm Johnson, K. (Pnyt.) *The Second Language Curriculum*, Cambridge: Cambridge University Press, 63-78.
- Brown, J.D. (1995). *The Element of Language Curriculum: A Systematic Approach to Programme Development*. New York: Heinle & Heinle.
- Cohen, Lawrence, M., & Keith, M. (2007). *Research Methods in Education*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Iwai, Tomoko Kondo, K, Limm, S.J.D, Rey, E.J., Shimizu, H, and Brown J.D. (1999). *Japanese Language Needs Analysis*. <http://www.nflrc.hawaii.edu>.
- Khairun Nisaa Mohd, Nor Zahidah Ahmad & Nonglaksana Kama. (2017). *Kajian kes keperluan bahasa Arab dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah Malaysia dari sudut pandang mutawwif-mutawwif Syarikat Andalusia*. *International Jpurnal of Religion Research in Education*, 1 (1), 34-40.
- Mohammad Imran Ahmad & Mohammad Najib Jaafar. (2017). *Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke 3 (Irsyad2017), 1-2 Ogos 2017, Kuala Lumpur, 81-116.

- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hameed & Hishomuddin Ahmad. (2013). *Bahasa Arab untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia*. *Úlum Islamiyyah Journal*. Vol. 10:19-29.
- Mohd Shahrizal Nasir & Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir. (2015). *Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam Muslim di Malaysia*. *Asia Pacific Jpurnal of Educators abd Education*, Vol. 30: 51-72.
- Muhammad Sabri Sahrir. (2009). *Panduan Belajar Bahasa Arab untuk Jemaah Haji & Umrah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Richards, J. C. 1984. The Secret Life of Method. *TESOL. Quarterly*, 18 (1).
- Sohair Abdel Moneim Sery. (2010). *Pengajaran Bahasa Arab melalui al-Qurán*. Batu Caves: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Subahan Mohd Meerah & Syed Ismail Syed Mustapa. (2017). *Pedagogi Abad ke-21*. Selangor: Sasbadi Sdn Bhd.
- Taba, H. (1962). *Curriculum Development: Theory & Practice*. New York: Harcout, Brace & World.
- Tu'aimah, Rusydi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-Arabiyyah li Ghair Natiqin bina Manahijuhu wa Asalibihu*. Rabat: ISESCO.